

**Kekal momentum, mungkin capai satu digit dalam tempoh seminggu - Dr
Noor Hisham
Astro Awani
21 April 2020
Harits Asyraf Hasnan,**

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) mensasarkan kurang daripada 10 kes setiap hari menjelang minggu hadapan.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata momentum yang baik dilakukan rakyat Malaysia ketika ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) perlu dikekalkan.

“Kalau kita boleh kekalkan momentum kita bekerjasama dengan semua pihak, dapat kita kurangkan kes lagi.

“Mungkin dalam seminggu, matlamat kita mampu kurangkan kes kepada ‘single digit’.

"Pada masa sekarang kita ada ‘double digit’, mungkin kurang 10 kes dan itu jadi sasaran kita,” katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini hari ini.

Justeru katanya, KKM akan terus berpadu tenaga dengan pihak lain seperti pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), pengambilan sampel dan mengkuarantin mereka yang positif.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kekal-momentum-mungkin-capai-satu-digit-dalam-tempoh-seminggu-dr-noor-hisham-239479>